

# Makin berani rompak hasil laut

*Nelayan asing mula aktif selepas musim tengkujuh berakhir*

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

**M**usim tengkujuh baru sahaja bera-khir, namun nela-yan asing khususnya dari Vietnam dilihat semakin berani menceroboh dan merompak hasil laut nega-ra di lokasi-lokasi strategik seperti di pelantar minyak.

Terbaru, Agensi Pe-nuguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Ter-engganu berjaya menahan dua bot nelayan Vietnam yang sedang asyik melaku-kan aktiviti tunda ganding pada pagi kelmarin, iaitu 87 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Ma-



Rashidilhadi (tengah) menunjukkan sebahagian daripada hasil laut yang dirampas.

ritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, ia merupakan tangkapan ke-14 sepanjang tiga bulan pertama tahun ini.

"Dalam tempoh itu, 293 pemeriksaan telah dibuat setakat ini, berbanding keseluruhan tangkapan pada tahun lalu sebanyak 1,169 pemeriksaan.

"Mereka bukan sahaja berani mencuri dan merompak hasil laut negara, tapi menggunakan aktiviti

tunda ganding yang boleh merosakkan ekosistem laut tempat pembiakan ikan-

ikan. "Kebiasaan nelayan-nelayan asing khususnya dari Vietnam ini mula men-ceroboh perairan negara selepas tamatnya musim tengkujuh bermula bulan ini, kerana itu kita telah ber-sedia mempertingkatkan rondaan penguatkuasaan di kawasan panas terutamanya pelantar minyak yang ba-

nyak terdapat di Terengganu," katanya ketika ditemui di ibu pejabat Maritim Terengganu, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tangkapan terbaru melibatkan dua bot nela-yan Vietnam itu dibuat kapal Maritim ketika me-lakukan rondaan Op Iman.

Katanya, ketika ditan-ah, nelayan itu sedang leka menarik pukat menyebabkan mereka tidak sedar kehadiran penguatkuasa-



Antara ikan yang dirampas.

"Kita telah menahan 21 awak-awak termasuk tekong yang berumur antara 15 hingga 50 tahun dan

tidak mempunyai doku-men pengenalan diri yang sah. Empat daripadanya adalah di bawah umur, ber-iusia antara 15 hingga 17 tahun.

"Selain itu, rampasan yang dibuat bernilai ham-pir RM2 juta, termasuk 200 kilogram anak ikan, 2.5 tan ikan campur, 3,500 liter

minyak diesel, bot dan per-alatan menangkap ikan," katanya.

Jelasnya, kesemua bot tersebut dibawa ke jeti Ma-ritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 (1)(a) 1985 ker-na menceroboh dan me-nangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran yang sah daripada Pengar-rah Perikanan Malaysia dan tidak mempunyai lesen sah.